

## CUCI WANG

# SPRM bakal panggil pengacara wanita

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memanggil lima selebriti kelmarin termasuk seorang yang dipanggil kali kedua selepas mendapati kemungkinan perniagaan yang dijalankan mempunyai kaitan atau maklumat aktiviti cuci duit.

Menurut sumber, mereka terdiri daripada pelawak, pelakon, penyanyi dan pengacara termasuk seorang wanita yang juga bekas isteri kepada pelakon dipanggil bagi membantu dan melengkapkan siasatan mengenai pengubahan wang haram.

“SPRM juga akan memanggil seorang lagi pengacara wanita selepas menemui bukti dan pembabitannya menerima dana daripada sindiket terbabit.

“Mereka yang dipanggil semalam (kelmarin) menjalankan perniagaan dan dipercayai mempunyai kaitan atau maklumat mengenai aktiviti cuci duit hasil kegiatan haram dihalangi individu yang sedang

disiasat terbabit Macau Scam dan judi,” katanya kepada Harian Metro.

Sumber berkata, salah seorang itu dipanggil kali kedua untuk mendapat maklumat lanjut berkaitan siasatan kes berkenaan.

“Siasatan awal SPM mendapati mereka kemungkinan menerima dana daripada sindiket terbabit namun masih dalam siasatan.

“Jika siasatan mendapati ada menerima dana itu akaun dan aset mereka akan dibekukan bagi membantu siasatan,” katanya.

Kelmarin lima selebriti termasuk seorang wanita tampil memberi keterangan di Ibu Pejabat SPM di Putrajaya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan artis serta selebriti disyaki terbabit dengan aktiviti pengubahan wang haram Macau Scam enggan tampil membantu siasatan walaupun masa dan peluang sudah diberikan.